

UPM sedia 73 program ijazah

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) menawarkan 73 program ijazah sarjana muda atau dinamakan bachelors di universiti itu bagi kemasukan Sesi Akademik Mei 2003/2004 untuk lulusan Program Matrikulasi, Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia dan kelayakan lain yang setaraf.

Selain lulusan program berkenaan, UPM juga mengiktiraf penuh lulusan 14 diplamanya dan dari institusi pendidikan awam serta swasta lain untuk mengikuti pengajian peringkat sarjana muda itu.

UPM menawarkan program diploma dalam perniagaan tani, sains dengan pendidikan, pertanian, kesihatan haiwan dan penternakan, pembangunan manusia, perikanan, perhutanan, kejuruteraan pertanian, sains komputer, sains, ke-

Siri 6 - Program Sarjana Muda di IPTA

juruteraan, pengurusan pertanian, belia dalam kerja pembangunan dan teknologi rumah tangga.

Universiti yang ditubuhkan pada 1971 dengan nama Universiti Pertanian Malaysia menerusi penggabungan Fakulti Pertanian, Universiti Malaya dan Kolej Pertanian Malaya, Serdang.

Kini, UPM mempunyai 13 fakulti, dua sekolah serta institut di dua kampus, iaitu Kampus Serdang, Selangor dan Kampus Bintulu, Sarawak.

Kampus Bintulu menempatkan Fakulti Sains Pertanian dan Makanan serta Fakulti Sains Sosial dan Pengurusan. Program yang ditawarkan ialah Bachelors Sains Bio-Industri dan Bachelors

Pentadbiran Perniagaan.

Kampus Serdang menempatkan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Fakulti Ekologi Manusia, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Fakulti Perubatan Veterinar, Fakulti Kejuruteraan, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Fakulti Pengajian Pendidikan, Fakulti Perhutanan.

Fakulti Pertanian, Fakulti Reka Bentuk dan Seni Bina, Fakulti Sains dan Pengajian Alam Sekitar, Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, Fakulti Sains Makanan dan Bioteknologi, Sekolah Pengajian Siswazah Pengurusan, Sekolah Pengajian Siswazah dan Institut Pendidikan dan Pembelajaran Jarak Jauh.

PROGRAM SARJANA MUDA DI UPM

UPM Kampus Serdang, Selangor.

● Bahasa Inggeris	● Sains (Fizik)
● Bahasa Melayu dan Linguistik	● Sains (Biokimia)
● Bahasa Mandarin	● Sains (Mikrobiologi)
● Bahasa Arab	● Sains (Kimia)
● Kesusasteraan Melayu	● Sains (Kimia Perindustrian)
● Kesusasteraan Inggeris	● Sains (Petroleum)
● Bahasa Perancis	● Sains (Sains Bahan)
● Bahasa Jerman	● Sains (Sains Instrumentasi)
● Pendidikan (Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Pertama)	● Sains dengan Pendidikan (Biologi)
● Pendidikan (Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua)	● Sains dengan Pendidikan (Fizik)
● Sains Komputer (Sistem Komputer)	● Sains dengan Pendidikan (Kimia)
● Sains Komputer (Multimedia)	● Sains dengan Pendidikan (Matematik)
● Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian)	● Sains dengan Pendidikan (Statistik)
● Sains Komputer (Rangkaian Komputer)	● Komunikasi
● Sains (Bioteknologi)	● Muzik (Persembahan Muzik)
● Sains dan Teknologi Makanan	● Muzik (Teknologi Muzik)
● Sains Perhutanan	● Muzik (Pendidikan Muzik)
● Sains (Alam Sekitar)	● Ekonomi
● Sains (Pengajian Makanan)	● Perakaunan
● Reka bentuk (Seni bina)	● Sains Pertanian
● Kejuruteraan (Awam)	● Sains Hortikultur
● Kejuruteraan (Elektrik dan Elektronik)	● Seni bina Landskap
● Kejuruteraan (Kimia)	● Reka bentuk (Seni bina)
● Kejuruteraan (Biologi dan Pertanian)	● Reka bentuk Perindustrian)
● Kejuruteraan (Mekanikal)	● Sains Pembangunan Manusia
● Kejuruteraan (Aero Angkasa)	● Perniagaan Tani
● Kejuruteraan (Proses dan Makanan)	● Pentadbiran Perniagaan
● Kejuruteraan (Sistem Komputer dan Komunikasi)	● Sains Pembangunan Sumber Manusia
● Doktor Perubatan	● Sains Pengguna
● Doktor Perubatan Veterinar	● Pendidikan (Pendidikan Jasmani)
● Sains Bioperubatan	● Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling)
● Pemakanan dan Sains Kesihatan Komuniti	● Pendidikan (Sains Rumah tangga)
● Kesihatan Persekitaran dan Pekerjaan	● Perakaunan dengan Pendidikan
● Sains (Biologi)	● Pendidikan (Sains Pertanian)
● Sains (Matematik)	● Pendidikan (Teknologi Maklumat)
● Sains (Statistik)	

UPM Kampus Bintulu, Sarawak.

● Sains Bio-Industri	● Pentadbiran Perniagaan
----------------------	--------------------------